

# Tujuh IPT bergabung tubuh **MyGeopolimer**



**Barisan penyelidik IPT** yang menghadiri mesyuarat pertama MyGeopolimer di pejabat Anjung UniMAP, PWTC, baru-baru ini.

**S**ekumpulan penyelidik daripada tujuh institusi pengajian tinggi (IPT) bergabung membentuk rangkaian Persatuan Geopolymer Malaysia (MyGeopolimer) bagi memartabatkan bidang penyelidikan bidang itu.

MyGeopolimer menyasarkan tempoh dua tahun bermula tahun ini bagi mempromosikan penggunaan bahan geopolimer sebagai alternatif dalam industri pembinaan kepada masyarakat dan pihak berkuasa.

Seorang daripada ahli MyGeopolimer yang juga penyelidik terawal bidang itu, Prof Dr Muhd Fadhil dari Universiti Teknologi Petronas (UTP) berkata, Australia dan China sudah lama menjadikan bahan geopolimer sebagai bahan alternatif industri pembinaan dalam skala yang besar.

Katanya, hal ini demikian kerana bahan berkenaan berkonsep mesra alam, memanfaatkan bahan kitar

semula serta berupaya mencapai kekuatan yang cepat dan tinggi berbanding bahan berasaskan simen.

## **Meningkatkan kesedaran**

Beliau berkata, Universiti Queensland, Australia juga mengoptimalkan penggunaan bahan geopolimer dengan memiliki bangunan sendiri yang menggunakan konkrit geopolimer sepenuhnya selain kewujudan beberapa syarikat bahan pembinaan geopolimer berskala besar.

"Perkembangan di negara berkenaan harus dijadikan

contoh supaya negara kita tidak ketinggalan dalam penggunaan bahan geopolimer bagi sektor pembinaan.

"Penubuhan rangkaian ini diharapkan dapat mempercepat proses kesedaran masyarakat terhadap penggunaan sumber alternatif berbanding senario sebelum ini iaitu penyelidik bidang ini bergerak secara sendiri untuk meyakinkan pelabur," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Mesyuarat Pertama MyGeopolimer di Pejabat Anjung Universiti Malaysia

Perlis (UniMAP) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini baru-baru ini.

Dalam mesyuarat pertama itu, semua ahli penyelidik bersetuju melantik Naib Canselor UniMAP, Prof Datuk Dr Kamarudin Hussin seba-

gai Presiden manakala Prof Dr Fauziah Ahmad dari Universiti Sains Malaysia (USM) dilantik sebagai Timbalan Presiden.

## **Berpusat di UniMAP**

Mesyuarat itu dipengerusi-

kan Pensyarah Kanan Fakulti Teknologi Kejuruteraan UniMAP, Mohd Mustafa Al-Bakri Abdullah yang secara langsung turut dilantik sebagai Setiausaha MyGeopolimer.

Selain wakil UTP, USM dan UniMAP, MyGeopolimer turut dianggotai penyelidik Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Persatuan itu berpusat di UniMAP berikutan IPT berkenaan sudah mempunyai pusat penyelidikan dalam bidang geopolimer iaitu CEGeoGTech yang juga pusat penyelidikan geopolimer pertama di rantau ASEAN.

Prof Fadhil berkata, antara aktiviti dirancang kumpulan penyelidik itu ialah persidangan geopolimer Malaysia-Indonesia, seminar, bengkel, perkongsian maklumat serta penerbitan buku dan jurnal.

